

11 SEP 2003

Chor-Ugutan

KERAJAAN AKAN HARAMKAN MAJALAH ASING YANG MAHU SABOTAJ NEGARA, KATA CHOR

PUTRAJAYA, 11 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan mengharamkan mana-mana majalah asing yang mempunyai agenda untuk mensabotaj negara ini, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung.

Beliau berkata kerajaan juga tidak akan membenarkan mana-mana edisi dijual kepada orang awam jika didapati majalah atau terbitan asing itu sentiasa mahu melemparkan dakwaan yang tidak berasas.

"Setakat ini, kerajaan mempunyai sikap terbuka, kita benarkan kritikan konstruktif tetapi dakwaan yang dilemparkan (yang tidak berasas dan mempunyai agenda tertentu) maka kita kena mengambil tindakan yang amat tegas terhadap mereka," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan kementerianannya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa beliau telah diugut oleh majalah antarabangsa Business Week yang mengancam untuk menulis laporan memburuk-burukkan Malaysia dan kepimpinannya apabila enggan ditemu bual.

Perdana Menteri menerima ugutan itu menerusi surat bertarikh 8 Sept lepas setelah beliau enggan membenarkan majalah yang berpejabat di New York itu berbuat demikian.

"Tidak ada kompromi terhadap perkara yang membabitkan kepentingan negara ini," kata Chor.

Beliau berkata polis akan mengkaji kemungkinan untuk melakukan siasatan mengenai ugutan itu.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata: "Ia merupakan perbuatan yang tidak beretika dan tidak wajar bagi mana-mana media antarabangsa, tidak kira sama ada ia berat sebelah atau betapa besar pengedarannya, untuk mengugut pemimpin sebuah negara.

"Ia bukan sahaja menjejaskan pemimpin berkenaan, tetapi juga kewibawaan negara berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Forum Perniagaan yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Putrajaya bulan depan. Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara penaja forum itu dan 20 rakan kongsi acara di sini.

Forum Perniagaan OIC dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dengan kerjasama Kementerian Luar, OIC dan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (Massa).

Syed Hamid berkata mengugut seorang pemimpin sebuah negara adalah umpama mengugut kewibawaan sebuah negara.

"Ia tidak memberikan gambaran baik untuk dunia media, ataupun kewartawanan yang ia sepatutnya wakili," he said.

Dr Mahathir berhak untuk menerima atau menolak mana-mana temuramah dan adalah tidak betul dan tidak beretika bagi mana-mana media atau wartawan untuk menulis surat yang berunsur jahat seperti itu, katanya.

-- BERNAMA

HK AHH RHM